

**Company Name** : MKH OIL PALM (EAST KALIMANTAN) BERHAD  
**Date** : 28 November 2024  
**Source** : Berita Harian

## **MKH Oil Palm Raih Untung Bersih RM64.21 Juta, Lonjakan 95.78 Peratus**



Pengerusi MKHOP, Tan Sri Alex Chen Kooi Chiew.

KUALA LUMPUR MKH Oil Palm (East Kalimantan) Berhad (MKHOP), sebuah syarikat perladangan minyak sawit berpusat di Indonesia, mencatatkan keuntungan bersih tahunan sebanyak RM64.21 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2024 (FY24), meningkat 95.78 peratus berbanding RM32.8 juta pada FY23.

Hasil tahunan syarikat turut meningkat 4.16 peratus kepada RM352.22 juta, dengan pendapatan sesaham (EPS) setahun penuh sebanyak 8.25 sen. Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh harga kukuh minyak sawit mentah (CPO) dan

isirung sawit (PK), peningkatan kadar pengekstrakan minyak (OER) kepada 21.2 peratus berbanding 20.6 peratus pada FY23, serta kecekapan menyeluruh.

Syarikat juga mengisytiharkan dividen interim kedua sebanyak 2 sen sesaham, yang akan dibayar pada 30 Disember 2024 kepada pemegang saham yang tersenarai pada 13 Disember 2024. Digabungkan dengan dividen interim pertama sebanyak 2 sen sesaham yang telah dibayar pada 12 Jun 2024, jumlah dividen bagi FY24 adalah 4 sen sesaham, memberikan hasil sebanyak 6 peratus berdasarkan harga saham semasa MKHOP iaitu 67 sen.

Bagi suku keempat yang berakhir pada 30 September 2024, MKHOP mencatatkan keuntungan bersih RM21 juta dengan hasil sebanyak RM90.59 juta. Harga purata CPO dan PK masing-masing adalah RM3,592 dan RM2,352 setiap metrik tan (MT) selepas ditolak duti eksport dan levi di Indonesia.

Sepanjang FY24, syarikat menghasilkan 406,657 MT buah tandan segar (FFB) dan mempunyai kawasan tanaman seluas 17,009 hektar daripada keseluruhan 18,205 hektar tanah.

Pengerusi MKHOP, Tan Sri Alex Chen Kooi Chiew, teruja terhadap prestasi cemerlang syarikat dan optimis mengenai prospek masa depan.

"Kami akan terus melaksanakan program pengembangan, mekanisasi, dan aplikasi pintar untuk memaksimumkan kecekapan. Prospek FY25 kekal kukuh, didorong oleh harga CPO yang stabil antara RM3,800 hingga RM4,300 setiap MT di Indonesia, serta pelan mandatori biodiesel B40 di Indonesia bermula Januari 2025," katanya dalam satu kenyataan.

MKHOP turut merancang beberapa langkah strategik, termasuk pengambilalihan tanah baharu serta kajian integrasi penternakan ikan dalam kawasan tanaman sebagai sebahagian daripada usaha alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (ESG).

Lembaga Pengarah syarikat yakin keputusan yang memuaskan dapat dicapai bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2025, disokong oleh permintaan kukuh untuk minyak sawit di pasaran global.